

# DASAR KUALITI SIRIM



## PERNYATAAN DASAR:

Kualiti menjadi asas bagi SIRIM dan diterapkan dalam tujuan dan nilai kami. Dasar Kualiti SIRIM merangkumi elemen penting dalam komitmen kami terhadap kecemerlangan.

Kami komited untuk memberikan kepuasan kepada pelanggan kami dengan menyediakan operasi dan tahap profesionalisme yang boleh dipercayai, konsisten dan cekap dalam penyampaian produk dan perkhidmatan. Kami percaya dengan pengekalan kualiti dalam apa jua yang dilakukan dan berusaha untuk terus menambah baik proses yang laksanakan bagi manfaat pelanggan, pekerja dan pihak berkepentingan.

## OBJEKTIF DASAR:

1. Menjelaskan komitmen SIRIM dalam menyampaikan produk dan perkhidmatan yang memenuhi atau mengatasi jangkaan pelanggan;
2. Mematuhi standard dan peraturan tentang pengurusan kualiti; dan
3. Menggalakkan pelibatan pekerja yang membawa kepada sumbangan aktif mereka bagi mencapai dan mendukung standard berkualiti tinggi dalam penyampaian produk dan perkhidmatan.

## SKOP DASAR:

Dasar ini terpakai kepada semua aktiviti, fungsi, produk dan perkhidmatan SIRIM.

## KOMITMEN KAMI:

### 1. Kepuasan Pelanggan

Kami berdedikasi untuk memahami dan memenuhi keperluan pelanggan kami. Kami berhasrat untuk mengatasi jangkaan mereka dengan menyampaikan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi, tepat pada masanya dan secara kos efektif.

### 2. Pematuhan

Kami mematuhi dengan sepenuh ketelusan, semua keperluan perundangan yang terpakai, serta standard yang diguna pakai oleh SIRIM untuk produk dan perkhidmatan kami. Komitmen kami terhadap pematuhan adalah sepenuh tekad, iaitu dengan memastikan integriti dan kesahan operasi kami.

### 3. Penambahbaikan Berterusan

Kami menggalakkan budaya penambahbaikan berterusan dalam semua aspek di organisasi kami. Menerusi penilaian dan maklum balas secara berkala, kami mengenal pasti peluang untuk peningkatan dan melaksanakan penyelesaian berkesan untuk memacu kecemerlangan.

### 4. Pelibatan Pihak Berkepentingan

Kami memperkasakan pihak berkepentingan dan menggalakkan mereka menyumbang kepada penambahbaikan proses serta kualiti produk dan perkhidmatan kami.

### 5. Inovasi

Kami mendukung inovasi sebagai salah satu kaedah untuk terus mendahului dalam persekitaran perniagaan yang dinamik. Komitmen kami terhadap inovasi sejajar dengan dedikasi kami untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi.

**SIRIM berhak mengkaji semula dan menyemak dasar ini bagi memastikan kesesuaian pemakaiannya secara berterusan dan apabila difikirkan perlu.**

**Atas Arahan,**

**NIK SAZALIBIN NIK HUSSIN**

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
SIRIM Berhad  
01 Ogos 2025